

Headline	Mampu tembusi pasaran global		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Ekonomi	Page No	17
ArticleSize	294 cm <sup>2</sup>	Journalist	Azman Ibrahim
PR Value	RM 17,592		



# Transformasi vendor bumiputera TNB kini berjaya Mampu tembusi pasaran global

Oleh **AZMAN IBRAHIM**  
dan **NUR HANANI AZMAN**

**KUALA LUMPUR** 1 Dis. - Tenaga Nasional Bhd. (TNB), berjaya melakukan transformasi dalam membimbing lebih 900 buah syarikat vendor di bawah Program Pembangunan Vendor Bumiputera yang diperkenalkan sejak 1994.

Sehingga kini, lebih 25 peratus daripada 44 buah syarikat vendor dalam sektor pengilangan telah berjaya menjadi syarikat-syarikat dominan domestik dan mampu menembusi pasaran antarabangsa.

Ketua Pegawai Perolehan TNB, Ir. Syed Abu Hanifah Syed Alwi berkata, tempoh 20 tahun ini telah membawa banyak perubahan kepada syarikat-syarikat vendor milik bumiputera.

Katanya, banyak syarikat vendor bumiputera telah mempunyai platform perniagaan yang pelbagai selain mempunyai keupayaan yang setanding dengan syarikat antarabangsa.

"Kami melihat transformasi itu telah berlaku dalam kalangan syarikat-syarikat vendor bumiputera ini.

"Salah satu inisiatif yang dilakukan TNB adalah bekerjasama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk melatih dan membimbing syarikat-syarikat vendor supaya dapat bersaing di peringkat domestik dan global serta berdikari," katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Syarikat-syarikat vendor TNB dibahagikan dalam tiga sektor utama

iaitu pengilangan, rakan niaga strategik dan syarikat panel.

Sektor pengilangan mempunyai sebanyak 44 buah syarikat, manakala di bawah sektor rakan niaga strategik sebanyak 740 buah syarikat dan 174 buah syarikat lagi merupakan syarikat-syarikat panel.

Bercakap mengenai penganugerahan kontrak, Syed Abu Hanifah berkata, sektor rakan niaga strategik telah menerima nilai kontrak yang tertinggi setakat ini iaitu lebih RM1 bilion setiap tahun.

Sebanyak 60 peratus penganugerahan kontrak adalah untuk rakan niaga strategik, 30 peratus untuk sektor pengilangan manakala baki 10 peratus adalah untuk sektor syarikat panel.

Ketika ditanya mengenai penanda aras TNB di peringkat antarabangsa dalam pembangunan vendor di negara ini, Syed Abu Hanifah berkata, pihaknya meletakkan penanda aras seperti di Hong Kong, Korea Selatan dan Perancis.



IR. Syed Abu Hanifah Syed Alwi (kiri) bersalaman dengan Presiden Persatuan Usahawan Tenaga Malaysia, Datuk Ab. Rahim Abu Bakar pada program pembangunan vendor TNB di Kuala Lumpur, baru-baru ini.